

28 NOV 1997

PERTUMBUHAN EKONOMI M'SIA ENAM PERATUS ATAU KURANG TAHUN DEPAN, KATA DR M

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Malaysia tidak dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang cergas seperti di dalam tahun-tahun lalu kerana negara telah terencat oleh masalah pasaran mata wang dalam empat bulan lalu.

Beliau meramalkan pertumbuhan enam peratus atau kurang untuk tahun depan, sambil menambah bahawa negara mengurangkan penumpuan terhadap kadar Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) berikutan kesukarannya sekarang.

"Tahun ini, mungkin kami boleh mencapai kira-kira tujuh peratus. Tentulah, tahun depan angka itu akan turun lagi kerana syarikat-syarikat yang menguntungkan dahulu kini tidak memperoleh keuntungan lagi, kecuali syarikat-syarikat berorientasikan eksport," katanya di dalam wawancara khas dengan akhbar kewangan Jepun Nihon Keizai Shimbun dan rangkaian Televisyen Tokyo di sini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja dua hari ke ibu negara Jepun selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Kerjasama Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, juga tidak menolak kemungkinan penangguhan pelaksanaan tarif sifar di bawah Kawasan Perdagangan Bebas Asean Free Trade Area (Afta) yang ditetapkan menjelang tahun 2003.

Katanya: "Memandangkan kita bersama-sama jatuh, sungguhpun terdapat perbezaan dalam kesan masalah ekonomi, kami terpaksa mengkaji kesannya.

"Bagi diri saya, saya fikir Afta akan tergendala sedikit. Tetapi kami akan berusaha ke arah mencapai pelaksanaan Afta mengikut jadual. Tetapi tentulah, setiap negara ingin mengurangkan import mereka."

Perdana menteri berkata perkara itu akan ditimbulkan semasa sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur.

Kepada satu soalan sama ada langkah Malaysia mengurangkan import ke atas barangan automotif dan jentera berat adalah langkah sementara untuk menangani masalah ekonomi, Dr Mahathir berkata ini adalah perlu jika negara mahu mengubah imbalan pembayaran (BOP).

Di samping pertimbangan BOP, katanya negara juga mahu mengelakkan inflasi yang diimport yang boleh menjejaskan ekonomi negara.

Kerajaan, tambahnya, perlu mengkaji sama ada langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan import akan berkesan dalam menangani masalah ekonomi dalam beberapa bulan akan datang. -- BERNAMA

MFJ OS